

02/06/1998

Tiga faktor tentukan kadar faedah pinjaman (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Sebarang langkah untuk menurunkan kadar faedah pinjaman mesti mengambil kira pertimbangan bagi mempertahankan kedudukan nilai mata wang, pengawalan inflasi dan kedudukan kadar deposit ringgit di luar pesisir yang ketika ini jauh lebih tinggi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan Bank Negara menentukan kadar faedah dengan mengambil kira faktor terbabit kerana jika tidak, sistem kewangan akan menghadapi risiko yang tinggi.

"Masyarakat peniaga perlu memahami kadar pinjaman di negara ini tidak boleh berada di bawah tahap lebih rendah daripada kadar deposit ringgit di luar pesisir, yang kini berlegar sekitar 20 peratus bagi ringgit.

"Oleh itu, jika kadar faedah bagi ringgit di luar pesisir 20 peratus dan mereka mula bercakap untuk berusaha mengurangkan kadar faedah kerana desakan beberapa syarikat, maka keseluruhan sistem kewangan terdedah kepada risiko," katanya selepas merasmikan persidangan tahunan minyak dan gas Asia ketiga di sini, hari ini.

Ditanya mengenai kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kadar faedah Sabtu lalu, Anwar berkata Perdana Menteri sekadar melahirkan pandangan umum daripada masyarakat perniagaan yang berasa kadar faedah ketika ini terlalu tinggi.

"Saya tidak fikir ada kekeliruan atau percanggahan. Apa yang kritikal sekarang ialah mengurangkan kredit," katanya sambil menambah, penubuhan Syarikat Pengurusan Aset (SPA) bagi membeli pinjaman tidak berbayar (NPL) sedikit sebanyak akan membantu menyelesaikan keadaan kredit.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, apa yang lebih penting sekarang ialah kelegaan kredit dan sebahagiannya boleh diatasi melalui penubuhan SPA.

SPA akan mengambil alih sebahagian pinjaman tidak berbayar bank di negara ini bagi membolehkan bank perdagangan menyalurkan pinjaman kepada beberapa sektor ekonomi.

"Orang ramai bebas untuk memberi pandangan mereka tetapi adalah penting bagi menjamin institusi kewangan kekal kuat dan kredit boleh disediakan. Seperti yang saya pernah kata dan saya ingin mengulanginya, kita tidak mengarah bank komersil memberi pinjaman kepada syarikat tertentu.

"Kita tidak boleh mengarahkan bank menyalurkan pinjaman kepada orang atau syarikat tertentu. Ingin saya katakan langkah seumpama itu sungguh tidak bijak," katanya.

Ditanya sama ada kadar faedah ditentukan oleh kuasa pasaran, Anwar berkata: "Sebagai dasar, ya. Ia perlu dilakukan begitu. Jika tidak, ia akan menjejaskan mata wang dan inflasi."

Tahun ini, kadar campur tangan tiga bulan Bank Negara naik kepada 11 peratus daripada 8.7 peratus pada akhir 1997.

(END)